


EL-WAZIF

E-BULETIN



SYAWAL 1443

SALAM AIDILFITRI

MAAF ZAHIR & BATIN

DARI UNIT EL-WAZIF



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka





EL-WAZIF

e-Buletin

Bil 12/MAC - APRIL 2022

**UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFAQ (EL-WAZIF)
UITM CAWANGAN MELAKA**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2021

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai, disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
UiTM Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : el-wazif@uitm.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

Instagram: <https://www.instagram.com/elwazif.edu.my>

eISSN 2805-5780



9 7 7 2 8 0 5 5 7 8 0 0 8

PENAUNG

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Rektor UiTM Cawangan Melaka

PENASIHAT

Ustaz Abdul Hadi bin Mohd Saleh
Pakar Rujuk Waqaf dan Zakat, El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

PENGERUSI

Ustaz Muaz Hj Mohd Noor
Koordinator Unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

EDITOR

Mohd Nabil Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor
Gajah

PENOLONG EDITOR

Puan Shahreena Bt Daud
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

AHLI JAWATANKUASA:

PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL

Prof. Madya Dr. Rozman Bin Md Yusof
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Ustaz Ahmad Ammar Bin Rozaini
Penyelaras Seksyen Zakat, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

PEREKA BENTUK GRAFIK

Mohd Nabil Bin Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Ustaz Muhammad Faiz Mohd Fadzil
Penyelaras Seksyen Infaq, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

ISI KANDUNGAN

MAJLIS DOA SELAMAT SERAHAN TELAGA DI KEMBOJA	1
KUNJUNGAN MANTAN REKTOR KE WADI	2
BENKEL PENYELARASAN KOORDINATOR UNIT ZAKAT, WAKAF DAN SEDEKAH	3
PENGARUH TULAR DALAM FILANTROPI MASYARKAT; "CUKUP SOSIALKAN KITA?"	4
RANGSANGAN ETIKA ISLAM TERHADAP PENYAMPAIAN ILMU PRODUK PERNIAGAAN	6
PUPUK AMALAN BERSEDEKAH DI KALANGAN KANAK-KANAK	8
PEMAKAIAN PELITUP MUKA KETIKA SOLAT SEMASA PANDEMIK COVID-19	9

MAJLIS DOA SELAMAT SEMPENA SERAHAN WAKAF TELAGA DI KEMBOJA



Di daerah Chhlong Negeri Kratie, Kemboja terdapat sebuah masjid lama yang dibina bertempat di Kampung bernama Preak Sendai. Ianya merupakan masjid terbesar yang dibina di wilayah tersebut. Anggaran kapasiti jemaahnya berjumlah hampir 10,000 orang.

Terdahulu, Persatuan Intellectual Student's Association atau INSAN dengan kerjasama unit EL-WAZIF telah mengutip sejumlah RM5000.00 dari orang ramai bertujuan membina sebuah telaga untuk kegunaan orang awam yang bertandang ke masjid ini. Projek kutipan sumbangan ini telah dijayakan sejak dari pertengahan tahun 2021 lagi. Projek ini diberi nama "JOM WAKAF RM5.00, Projek Khas Pembinaan Telaga dan Tempat Wuduk Kemboja".

Buat masa ini, seramai 1,316 keluarga muslim berada di daerah terbabit dengan anggaran ahli keluarga seramai 5 hingga ke 6 orang seisi rumah.

Selain itu, projek amal yang merentasi sempadan negeri ini dijangka akan diteruskan lagi bagi pembinaan telaga di masjid seterusnya yang akan dipastikan kelak.

Majlis doa selamat dan kesyukuran dihadiri penduduk kampung selain AJK masjid dan disempurnakan oleh Imam besar masjid iaitu Ustaz Omar.

layari Facebook El-Wazif untuk menonton video-video sekitar majlis di [sini](#)

KUNJUNGAN MANTAN REKTOR KE WADI

Mantan Rektor UiTM Melaka, Prof. Dr Abd Halim Mohd Noor meluangkan masa meninjau keadaan kebun Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTMCM pada pagi Rabu, 27 April 2022.

Dalam tinjauan tersebut, beliau telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pekerja kebun WaDI yang baru, en Amri Sulaiman, yang memulakan khidmat sebagai pekebun WaDI bermula Februari yang lalu.

Turut mengiringi beliau ialah En. Muaz Mohd Noor, Koordinator El-Wazif dan En Amran Abd Razak, Penolong Pengurus Projek WaDI.



BENGKEL PENYELARASAN KOORDINATOR UNIT ZAKAT, SEDEKAH DAN WAKAF (UZSW) SELURUH MALAYSIA

27 - 29 Mac 2022 (Ahad - Selasa)
Hotel Sentral Seaview, Pulau Pinang



BENGKEL PENYELARASAN KOORDINATOR UZSW MALAYSIA

Bertempat di Hotel Sentral Seaview, Pulau Pinang pada 27 - 29 Mac 2022 yang lalu, telah diadakan Bengkel Penyelarasan Koordinator Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah seluruh Malaysia.

Bengkel yang pertama kali diadakan secara bersemuka ini telah berjaya menghimpunkan ke semua Koordinator UZSW dari seluruh pelusuk negeri bagi membincang dan memantapkan lagi agenda berkaitan zakat, sedekah dan wakaf. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan bertukar pandangan serta merapatkan ukhuwah sesama ahlinya.

Dalam majlis ini, Pengarah Bahagian Zakat, Wakaf dan Sedekah (ZAWAF) Shah Alam, Dr Mohd Ashrof Zaki Yaakob telah membentangkan beberapa perancangan bagi menambahbaik hal ehwal pengurusan zakat, sedekah dan wakaf di peringkat cawangan-cawangan.

Turut bersama dalam bengkel ini adalah pakar rujuk Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM Shah Alam, Dr. Azri Bhari, yang menyampaikan taklimat berkenaan perancangan penyelidikan dan penerbitan unit ini pada masa akan datang.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari ini diakhiri dengan beberapa resolusi, antaranya memperkasakan kerjasama setiap koordinator cawangan, memantapkan fungsi dan ketampakan unit ini di peringkat cawangan, selain menambahbaik pelaporan tahunan setiap cawangan dengan menyenaraikan beberapa KPI diperingkat unit.

UiTM cawangan Melaka telah diwakili oleh ustaz Muaz Hj Mohd Noor, Koordinator unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF).

Lihat gambar-gambar sekitar bengkel di [sini](#).

PENGARUH TULAR DALAM FILANTROPI MASYARAKAT; "CUKUP SOSIALKAN KITA?"

Konsep tular kini sudah menjadi suatu perkara yang sangat sinonim dengan masyarakat Malaysia. Ianya merupakan suatu konsep perkongsian di media sosial bertujuan untuk mendapatkan perhatian umum dengan respon yang pantas dan meluas. Konsep ini turut diaplikasikan kedalam bidang pemasaran dan ianya dapat membantu pengusaha untuk melariskan jualan seperti Niase Tom Yam dan Nasi Dagang Rezki Roda yang tular di platform Tik Tok. Kebiasaannya perkongsian adalah di dalam bentuk informasi video, imej dan juga mesej berangkai. Nilai-nilai emosi di garapkan untuk mempengaruhi penerima lain menyebarkannya seperti sedih, dramatik dan motivasi.

Antara kesan daripada informasi tular di media sosial ramai rakyat Malaysia yang menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Malaysia tempoh lalu. Bantuan yang di berikan termasuklah keperluan asas, makanan, barangan dan juga tenaga. Ini membuktikan keprihatinan masyarakat Malaysia terhadap konsep

filantropi di dalam masyarakat sosial itu wujud walaupun kebanyakan daripada mereka sendiri bertempur dengan krisis sukar ekonomi akibat kesan pandemik Covid-19. Namun itu tidak menghalang mereka untuk menderma dengan apa yang mereka mampu.

filantropi di dalam masyarakat sosial itu wujud walaupun kebanyakan daripada mereka sendiri bertempur dengan krisis sukar ekonomi akibat kesan pandemik Covid-19. Namun itu tidak menghalang mereka untuk menderma dengan apa yang mereka mampu.

Namun disebabkan tular kebanyakan kawasan banjir ketika itu juga sesak dengan sukarelawan yang datang membantu membuta tuli. Tanpa panduan dan arah tentang keadaan dan situasi sebenar dikawasan bencana. Lajunya informasi dikongsikan, lambakan barangan bantuan seperti makanan terpaksa di buang akibat basi dan longgokan pakaian terpakai menjadikan kawasan pusat bantuan seperti gudang "bundle".



Oleh:
Mohd Hanif Bin Mohd Omar

Pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA
(UiTM) Cawangan Melaka

Selain itu konsep tular juga membuatkan warga netizen mengecam tindakan operasi pasukan penyelamat ketika itu seperti askar, bomba dan juga organisasi kerajaan yang lain kerana menganggap mereka tidak menyalurkan bantuan walhal situasi banjir ketika di kawasan itu sendiri menyukarkan pasukan penyelamat masuk ke tempat kejadian contohnya akibat faktor kedudukan geografi, halangan objek seperti kereta di bawah air dan pelbagai lagi yang tidak di ketahui oleh warga netizen yang tiada di tempat kejadian.

Mereka hanya menilai dengan apa yang mereka ingin percaya melalui informasi yang tular dan pengaruh warga netizen yang menilai dengan emosi menjadikan informasi tular yang pada awalnya untuk tujuan kebaikan menjadi sebaliknya. Fitnah berleluasa, kecaman dan makian di ruangan komen banyak kelihatan menjadikan pengguna media sosial yang lain sukar untuk membezakan diantara yang haq ataupun yang batil. Oleh yang demikian, apakah penanda aras bagi sesuatu informasi untuk ditularkan? Apakah jaminan setiap warga netizen mempunyai nilai-nilai sosial didalam diri?

“
*...pengaruh
warga netizen
yang menilai
dengan emosi
menjadikan
informasi
tular yang
pada awalnya
untuk tujuan
kebaikan
menjadi
sebaliknya.*

RANGSANGAN ETIKA ISLAM TERHADAP PENYAMPAIAN ILMU PRODUK PERNIAGAAN

Oleh: Dr. Adibah Alawiah Binti Osman
Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Perniagaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka

Pengenalan

Pada hari ini, perniagaan telah menjadi tumpuan dunia dalam peningkatan ekonomi sesebuah negara, pertumbuhan yang lebih pantas dalam industri dan juga kesedaran yang lebih besar terhadap kaedah pemasaran. Namun, persoalan mengenai sejauh mana penyampaian pengetahuan produk perniagaan telah mencapai standard Syar'i masih tidak terjawab.

Penjual Muslim terutamanya harus memahami bahawa mereka wajib mengamalkan Etika Islam seperti yang diterjemahkan dalam Al-Quran dan Hadis seperti yang dilaporkan oleh Sahih al-Bukhari, Buku 78, Hadis 65: "Diriwayatkan Masruq: Kami duduk bersama `Abdullah bin `Amr yang menceritakan kepada kami (Hadis): Dia berkata, Rasulullah SAW bukanlah seorang fahiz atau Mutafahhish (tidak pernah menggunakan bahasa yang tidak baik), dan dia pernah berkata, 'Yang terbaik di antara kamu adalah yang terbaik dalam sifat (mempunyai adab yang baik).'"

Dari Hadith di atas, nabi merumuskan umat Islam yang terbaik adalah orang yang mengamalkan etika terbaik. Seharusnya sesuatu teori haruslah difahami agar penjual Muslim dapat melaksanakannya dengan baik untuk mencapai tujuan sebenar. Untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat, asimilasi etika Islam dalam modal insan pasti akan menawarkan garis panduan yang seimbang kerana ia mempunyai panduan yang lengkap dalam menyampaikan ilmu mengenai produk.

Penyampaian Ilmu Pengetahuan Produk Perniagaan

Penyampaian Ilmu pengetahuan produk perniagaan merujuk kepada proses pengetahuan yang melibatkan melaksanakan idea, peraturan, prosedur, maklumat, pengalaman, konteks dan tafsiran mengenai produk dan perniagaan yang dihantar kepada pelanggan. Cabaran utama kurangnya penerimaan dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap produk Muslim adalah disebabkan salah tanggapan dan salah faham mengenai

pengetahuan produk perniagaan.

Etika Pemasaran Islam

Pentingnya etika dalam Islam adalah jelas ketika Allah berfirman kepada Nabi Muhammad dalam surah 68 (Surah al-Qalam) Al-Quran, ayat 4: "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia." (Terjemahan oleh Terjemahan oleh Abdullah Basmeih)

Tafseer oleh Ibn Kathir: "Allah memberinya watak yang luhur, termasuk sifat-sifat kesederhanaan, kebaikan, keberanian, pengampunan, kelembutan dan setiap sifat baik yang lain."

Sama-sama dilaporkan oleh Sahih Muslim, Buku 6, Hadis 168: "Aishah (RA) berkata: Watak Rasulullah (SAW) adalah Al-Qur'an."

Etika Islam didasarkan pada pendekatan rasional adalah sejajar dengan wahyu yang diturunkan iaitu menawarkan kebenaran.

Konsep pemasaran Islam tidak seperti pemasaran konvensional, ia diiktiraf berdasarkan tujuan asas penciptaan manusia dan Islam, setiap kehidupan manusia mesti mengikut peraturan-peraturan Syariah Islam yang diperintahkan oleh Allah. Oleh itu, pemasaran tidak terhad kepada hanya membeli dan menjual atau memperoleh keuntungan dari barangan dan perkhidmatan di bawah mana-mana perniagaan.

Etika pemasaran Islam dalam penulisan ini terdiri daripada gaya komunikasi daripada penjual kepada pelanggan dan promosi atau mesej melalui produk itu sendiri. Kedua-dua bahagian etika pemasaran ini merangkumi kedua-dua input dan output skala etika.

Komunikasi bertindak sebagai pertukaran rasmi dan tidak rasmi, berkongsi maklumat yang bermakna pada waktu tertentu antara pembeli dan penjual. Dalam Islam, komunikasi harus sopan, baik dan langsung. Saidina Ali (RA), salah seorang pemimpin awal Islam, berkata "Wacana yang terbaik adalah ekspresif, hebat, ringkas dan menarik". Ini menunjukkan bahawa pengiklan juga harus berusaha untuk menyampaikan tujuan sebenar, sebagai tambahan untuk berkomunikasi secara

jujur tentang produk dan perkhidmatan. Pengurusan etika pada tahap output yang diwakili oleh gaya komunikasi adalah penting untuk menarik pemahaman yang lebih baik sebagai dimensi sosial untuk membentangkan ciri dan prinsipnya yang tersendiri.

Tidak ada ruang dalam Islam untuk membenarkan sebarang tingkah laku promosi yang menipu. Quran mengutuk segala bentuk pernyataan palsu, tuduhan yang tidak berasas, ramuan dan kesaksian palsu seperti yang dinyatakan dalam bab 43 (Surah az-Zukhruf) Al-Quran, ayat 20: "Dan mereka berkata: "Kalaulah Allah Yang Maha Pemurah menghendaki tentulah kami tidak menyembah malaikat itu". (Sebenarnya) mereka tidak mempunyai sesuatu pengetahuan pun mengenai kata-kata mereka (yang demikian), mereka hanyalah orang-orang yang berdusta!" (Terjemahan oleh Abdullah Basmeih).

Tafseer oleh Ibn Kathir: "Sebenarnya apa yang mereka katakan dan hujah-hujah mereka diajukan, mereka berbohong dan menipu kejahatan."

Dari segi etika pemasaran Islam, tidak beretika untuk penjual Muslim untuk mempromosi secara berlebih-lebihan yang sifatnya tidak dimiliki. Tambahan pula, gambaran palsu tentang apa-apa jenis untuk mempromosikan atau menjual produk adalah dilarang sama sekali dalam rangka kerja etika Islam. Oleh itu, dalam bidang promosi produk, etika pemasaran Islam menegaskan larangan iklan palsu dan mengelirukan, manipulasi atau taktik jualan yang mengelirukan. Oleh itu, konjungsi antara penyampaian ilmu produk dan etika pemasaran Islam berpotensi untuk menjadi benteng pertama kekeliruan dalam penyebaran ilmu perniagaan.

PUPUK AMALAN BERSEDEKAH DI KALANGAN KANAK-KANAK

Oleh: Azlina Jumadi
Fakulti Sains Komputer & Matematik,
UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat

Amalan bersedekah adalah satu amalan yang amat dituntut dan digalakkan untuk dilakukan oleh umat Islam. Bersedekah ialah satu tindakan yang dilakukan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia adalah satu amalan yang digalakkan untuk dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja.

Bersedekah bukanlah hanya dengan wang ringgit. Bersedekah makanan seperti kuih-muih dan hidangan makanan kepada orang ramai juga sama besar pahalanya di sisi Allah SWT.

Sifat suka bersedekah akan menghindarkan sifat tamak dan kedekut dalam kalangan umat Islam.

Disebabkan itulah, amat penting mendidik golongan kanak-kanak bagi memastikan amalan ini sehati dalam diri mereka. Seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Pemupukan amalan bersedekah kepada kanak-kanak akan mewujudkan sifat belas kasihan dan simpati kanak-kanak kepada orang lain. Ini secara tidak langsung akan menerapkan nilai murni dalam diri kanak-kanak supaya berbuat baik bukan sahaja kepada manusia malahan kepada semua makhluk di muka bumi ini.

Bagi mendidik kanak-kanak dengan amalan bersedekah, peranan ibu bapa dilihat amat penting. Ibu bapa perlu dahulu menunjukkan sikap pemurah dan suka bersedekah kepada anak-anak mereka. Anak-anak pasti akan mencontohi amalan yang ditunjukkan oleh ibu bapa.

Selain itu, ibu bapa boleh memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk bersedekah. Jika terlihat orang yang susah atau peminta sedekah, boleh hulurkan wang kepada anak-anak dan biarkan mereka untuk menyampaikannya. Ini akan membuatkan anak-anak berasa teruja untuk bersedekah dan ingin mengulanginya.

Jelaslah, amalan bersedekah amat tinggi nilainya di sisi Allah SWT. Sebuah keluarga yang dibentuk dengan amalan bersedekah akan kaya dengan kasih sayang kerana tidak semua benda boleh diukur dengan wang ringgit atau harta semata-mata.

Oleh itu, mari kita sama-sama memupuk sifat suka bersedekah kepada kanak-kanak. Ingatlah, pembangunan peradaban masyarakat yang kukuh hanya akan lahir jika generasi masa hadapan mempunyai akhlak dan nilai murni yang tinggi dalam diri mereka.

PEMAKAIAN PELITUP MUKA KETIKA SOLAT SEMASA PANDEMIK COVID-19

Oleh: Nik Nurul Akmal Ab Alim & Nur Kamilah Kamaruddin
Pusat Asasi, UiTM Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

COVID-19 telah mengubah norma kehidupan manusia dalam pelbagai aspek termasuklah tatacara ibadah umat Islam. SOP berkaitan aktiviti solat berjemaah di masjid telah ditetapkan oleh pihak berwajib bagi membendung penularan wabak ini. Salah satu SOP yang perlu dipatuhi ialah memakai pelitup muka ketika solat di masjid. Persoalan yang timbul ialah, apakah asas dalam agama terhadap keharusan memakai pelitup muka semasa solat?

Hukum asal menutup muka ketika solat adalah makruh. Hal ini berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bermaksud: "Rasulullah SAW melarang daripada meleretkan pakaian dalam solat dan melarang seorang lelaki menutup mulutnya dalam solat" (Sunan Abu Daud: 650). Menurut al-Shirazi (1992), hadis ini menjadi dalil kepada kemakruhan perbuatan menutup mulut ketika mendirikan solat. Masyarakat Arab menutup mulut mereka dengan kain serban ketika menunaikan

solat supaya tidak terdedah kepada udara panas atau sejuk. Perbuatan tersebut dilarang kerana ia memberi kesan terhadap kejelasan bacaan solat dan kesempurnaan sujud.

solat supaya tidak terdedah kepada udara panas atau sejuk. Perbuatan tersebut dilarang kerana ia memberi kesan terhadap kejelasan bacaan solat dan kesempurnaan sujud.

Perkara ini dikuatkan lagi oleh pernyataan Ibn Abd al-Bar: "Para ulama telah ijmak bahawa hendaklah seorang wanita itu membuka wajahnya ketika solat dan ketika ihram. Ini kerana menutup wajah dan mulut akan mengganggu terkenanya dahi dan hidung (ke tempat sujud). Sesungguhnya Nabi S.A.W telah melarang akan hal tersebut. Namun sekiranya ada hajat seperti terdapatnya ajnabi (lelaki asing) maka tidak makruh. Begitulah juga dengan lelaki, akan hilang kemakruhan (menutup mulut semasa solat) apabila ada hajat kepadanya".

Kata-kata Ibn Abd al-Bar ini menyokong ketetapan pemakaian pelitup muka oleh pihak berwajib kerana ia menjadi keperluan asas dalam melindungi diri daripada jangkitan virus COVID-19. Cuba bayangkan sekiranya kadar jangkitan semakin bertambah disebabkan pemakaian pelitup muka diabaikan,

bagaimanakah kefarduan solat berjemaah di masjid dapat ditunaikan? Sudah tentu tidak. Hal ini selari dengan kaedah fiqh yang menyarankan agar kemudahan hendaklah dihilangkan. Islam menetapkan segala jenis kemudahan mestilah dicegah sebelum ia berlaku menerusi usaha pengawalan yang sepatutnya. Pemakaian face mask adalah selaras dengan ikhtiar untuk memelihara nyawa masyarakat. Dapat kita simpulkan bahawa pemakaian pelitup muka ketika solat diharuskan dalam situasi penularan wabak bagi mengurangkan risiko penyebaran jangkitan terhadap jemaah lain. Malahan, menggunakan pelitup muka ketika solat berjemaah adalah suatu bentuk kepatuhan terhadap arahan pemimpin yang mana dibuat berdasarkan kepada masalah terhadap rakyat. Oleh yang demikian, kita perlu mentaati arahan dan SOP yang dikeluarkan untuk kesejahteraan sejagat.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Melaka



Alhamdulillah!

Tahniah

*Atas Kenaikan
Gaji Tahunan Anda!*

**Tahukah anda potongan zakat
perlu diselaraskan mengikut
kenaikan gaji anda?**

**la hanya 2.5% daripada
pendapatan kasar anda**

KIRA, SEMAK DAN TUNAIKAN ZAKAT ANDA

Sila *WhatsApp* ke nombor

013-3999132

(Ustaz Faisal, Kampus KAG)

017-3574794

(Ustaz Ammar, Kampus KBM)

019-6930297

(Ustazah Rafedah, Kampus KJM)

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFAQ (EL-WAZIF)

UiTM CAWANGAN MELAKA

PERMOHONAN ZAKAT SEMESTER MAC - OGOS 2022

Setakat 28 April, lebih 600 pelajar dari ketiga-tiga kampus telah membuat permohonan. Proses temuduga bermula dari 9 hingga 20 Mei secara atas talian. Pelajar dijangka menerima zakat pada penghujung bulan Mei ini.







PERMOHONAN ZAKAT UiTM CAWANGAN MELAKA SEMESTER MAC 2022 - OGOS 2022




KINI DIBUKA !!!

Tarikh Permohonan zakat:
Tarikh buka: 28 MAC 2022
Tarikh tutup: 29 APRIL 2022

Link permohonan zakat di
Portal Pelajar UiTM: <https://istudent.uitm.edu.my/>
Untuk Maklumat Lanjut
Layari: Facebook EL-Wazif UiTM Cawangan Melaka

Hubungi **penyelaras zakat** berikut untuk maklumat lanjut:

KAC: 013-3999132 (Ustaz Faisal)
KBM: 017-3574794 (Ustaz Ammar)
KJM: 019-6930297 (Ustazah Rafedah)

PEMAKLUMAN RASMI

PERMOHONAN ZAKAT PELAJAR ATAS TALIAN (E-ZAKAT) BAGI PELAJAR DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA

Kampus UiTM	Kaedah Permohonan
Alor Gajah / Jasin / Bandaraya Melaka	Atas Talian (Online)

TARIKH PERMOHONAN ZAKAT ATAS TALIAN (E-ZAKAT):

- Buka : 28 Mac 2022 (Isnin)
- Tutup : 29 April 2022 (Jumaat)

TARIKH TEMUDUGA ZAKAT:

- Mula : 9 Mei 2022 (Isnin)
- Tutup : 27 Mei 2022 (Jumaat)

MASA TEMUDUGA ZAKAT:




- Pagi : 09.00 Pagi - 12.45 Tengah Hari
- Rehat : 01.00 Petang - 02.30 Petang
- Petang : 2.30 Petang - 4.30 Petang

PENYELARAS SEKSYEN ZAKAT, EL-WAZIF:


- KAMPUS ALOR GAJAH**
USTAZ NOR MOHD FAISAL MD ARIFFIN
No. Tel Pejabat: 06 5582335
No. Tel Hp: 013-3999132
- KAMPUS JASIN**
USTAZAH NOR RAFEDAH MOHSAN
No. Tel. Pejabat: 06-2645124
No. Tel Hp: 019-6930297
- KAMPUS BANDARAYA MELAKA**
USTAZ AHMAD AMMAR BIN ROZAINI
No. Tel. Pejabat: 06 2857039
No. Tel Hp: 017-3574794

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka

Page 1 of 3

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN (ONLINE) – SISTEM E-ZAKAT UiTM



*KEPUTUSAN PERMOHONAN ADALAH BERDASARKAN KELULUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA AGIHAN ZAKAT UiTM

SENARAI DOKUMEN LAMPIRAN YANG PERLU DIMUATNAIK OLEH PELAJAR DALAM SISTEM E-ZAKAT

- Salinan Slip Gaji Ibu Bapa / Penjaga atau Slip Pengesahan Pendapatan.
- Salinan Surat Tawaran Pelajar (Pelajar Baru).
- Salinan Surat Kematian / Surat Cerai (Jika Ada).
- Salinan Slip Keputusan Peperiksaan Semester Lepas.
- Salinan Slip Muka Hadapan Akaun Bank Islam.
- Dokumen Sokongan yang Berkaitan (Sekiranya Perlu).

PERHATIAN

- Dokumen-dokumen ini perlu dilampirkan semasa mengisi permohonan zakat di dalam sistem e-Zakat. Kegagalan melampirkan dokumen-dokumen ini menyebabkan PERMOHONAN ZAKAT PELAJAR DITOLAK.
- Sila lampirkan semua dokumen yang diperlukan hanya dalam satu (1) fail format PDF sahaja.
- Maklumat lanjut berkaitan info terkini zakat serta lain-lain inisiatif bantuan, boleh layari: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka

Page 3 of 3

[HTTPS://PERANTISISWA.KKMM.GOV.MY/](https://perantisiswa.kkmm.gov.my/)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Permohonan Inisiatif
**PERANTI
SISWA**

PerantiSiswa dijangka mula diagihkan kepada mahasiswa seawal bulan Jun 2022.



**TELAH
DIBUKA**

Permohonan PerantiSiswa boleh dibuat secara online mulai 15 April 2022 jam 8 pagi melalui pautan : <https://perantisiswa.kkmm.gov.my/>

Syarat Permohonan :

Pemberian satu (1) unit peranti adalah untuk pemohon yang memenuhi syarat-syarat umum kelayakan PerantiSiswa seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Daripada kategori keluarga B40 iaitu pendapatan isi rumah RM4,850 dan ke bawah;
3. Sedang mengikuti pengajian di peringkat Diploma, Diploma Lanjutan atau Ijazah Sarjana Muda;
4. Bukan pelajar tahun akhir pada tahun 2022;
5. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa; dan
6. Tidak pernah menerima bantuan peranti daripada mana-mana program di bawah Kerajaan.

     @hepuitmshahalam



SUMBANGAN WAKAF
DUSUN ILMU
**JUMLAH TERKUMPUL
SEHINGGA APRIL 2022**

**KUTIPAN RM84,301.38
PERBELANJAAN
RM44,709.98
SASARAN RM150,000.00**

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BANK ISLAM
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').

Like & Follow

Media Sosial EL-WAZIF

Ikuti perkembangan terkini program dan aktiviti wakaf, zakat dan infaq (sedekah) di UiTM Melaka melalui saluran Facebook (FB) dan Intagram (IG) rasmi Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka.

Pengiklanan (Media Sosial)

Facebook EL-WAZIF UiTMCM



Intagram elwazif.edu.my

